

25/03/1999

IPK Kedah siasat ugutan bunuh

ALOR STAR, Rabu - Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah menjalankan siasatan rapi berhubung ugutan bunuh terhadap Perdana Menteri yang diterima bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, awal pagi Ahad lalu.

Siasatan menjurus kepada usaha mengesan lelaki yang membuat panggilan telefon ke rumah Osman, di Jalan Menteri, di sini kira-kira jam 12.50 pagi.

Bagaimanapun, setakat ini polis belum menahan lelaki terbabit atau sesiapa yang dipercayai dapat membantu siasatan kes yang dianggap amat serius itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Kedah, Asisten Komisioner Abdul Jalal Mohd Yunus, berkata Osman yang juga wakil peribadi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi Parlimen Kubang Pasu membuat laporan polis kepada Ketua Polis Kedah, Datuk Nik Ismail Nik Yusoff, di IPK, semalam.

"Berikutan laporan itu, polis membuat siasatan terperinci bagi mengesan lelaki terbabit," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Panggilan itu diterima Osman kira-kira enam jam sebelum Dr Mahathir tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, bagi memulakan program lawatan rasmi selama dua hari di negeri ini.

Perdana Menteri tiba kira-kira jam 11.45 pagi disambut Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan kira-kira 1,000 pemimpin dan ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Dr Mahathir diberikan kawalan ketat, termasuk pasukan Unit Tindakan Khas (UTK) polis Bukit Aman dan polis Cawangan Khas IPK.

Selain itu, sepasukan anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dari Pulau Pinang juga mengawal orang ramai yang menunggu di lapangan terbang itu sejak jam 10 pagi.

Semalam, Osman berkata, lelaki terbabit memperkenalkan dirinya sebagai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan meminta Osman memberitahu Perdana Menteri supaya membatalkan lawatan kerjanya di Kedah.

Menurutnya, pemanggil itu memberitahunya 'kita akan menembaknya jika Dr Mahathir datang'.

Abdul Jalal juga berkata, setakat ini polis belum menerima laporan berhubung penyebaran pita rakaman yang dikatakan mengandungi arahan membunuh Dr Mahathir, selain pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap pemimpin Umno.

Bagaimanapun, polis tetap menjalankan siasatan walaupun tiada laporan dibuat oleh mana-mana pihak.

Menurutnya, polis akan bertindak tegas terhadap sesiapa yang dipercayai terbabit dalam mengedarkan pita rakaman itu atau dipercayai terbabit secara langsung dalam pembuatan pita rakaman itu.

Pada 19 Mac lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu berhubung fitnah itu.

Ibrahim berkata, pita rakaman yang diterima daripada seorang kawannya, awal Mac lalu antara lain mengandungi arahan membunuh Dr Mahathir selain pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap Perdana Menteri dan pemimpin Umno.

(END)